

Rabu, 20 Mei 2020 | 5:28pm



NORENA (tengah) ketika membuat tinjauan harga barang keperluan di Mydin Jasin. (Foto/Amir Mamat)

## KPDNHEP Melaka tegas kawal harga barang

Oleh Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**MELAKA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri menempatkan 57 pegawai penguatkuasanya bagi memantau harga di lokasi tumpuan orang ramai membeli-belah, khususnya pada musim perayaan ini.

Pengaruhnya, Norena Jaafar, berkata langkah itu sebagai usaha melindungi pengguna menjadi mangsa peniaga mengambil keuntungan berganda.

Beliau berkata, sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula 18 Mac lalu, KPDNHEP negeri menerima sebanyak 185 aduan daripada orang ramai termasuk aplikasi WhatsApp dan laman Facebook rasmi kementerian.

Katanya, daripada semua kes itu, kesalahan gagal mempamerkan tanda harga ke atas barang jualan adalah kes terbanyak dilaporkan.

"Bagi kesalahan gagal mempamerkan tanda harga sejak 18 Mac lalu, pihaknya merekodkan sebanyak 22 kes membabitkan kompaun RM7,800 ke atas beberapa peniaga pasar di sekitar daerah Melaka Tengah.

"Kebanyakan peniaga terutamanya di pasar awam dilihat mengambil sikap sambil lewa tidak mempamerkan tanda harga, walhal mereka yang gagal mematuhi arahan itu boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 selain dikenakan denda sehingga RM100,000," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengiringi EXCO Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Wira Ismail Othman di pasar raya Mydin, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Norena berkata, pihaknya memperkuatkannya pemantauan harga tiga medium iaitu menempatkan seramai 26 Pegawai Pemantau Harga Negeri Melaka bagi memantau harga barang keperluan asas di seluruh negara di bawah KPDNHEP.

Beliau berkata, pihaknya turut manfaatkan program Friends Of KPDNHEP (FOK) sebagai mata dan telinga kementerian untuk sebarkan maklumat termasuk isu harga barang.

"Kerjasama antara kerajaan negeri dan agensi kerajaan lain juga diperkuatkannya bagi membantu memantau dan menyalurkan maklumat kenaikan harga barang di negeri ini," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/691116/kpdnhep-melaka-tegas-kawal-harga-barang>